



Headline: Pegawai kesihatan wanita rugi RM105,000 Language: Malay
ditipu Macau Scam

Publication/Portal: Utusan Malaysia
Date: 22 October 2018

Section: Dalam Negeri
Page: 16

Pegawai kesihatan wanita rugi RM105,000 ditipu *Macau Scam*

KUCHING 19 Okt. - Seorang pegawai kesihatan wanita mengalami kerugian sebanyak RM105,000 gara-gara panik menerima panggilan *Macau Scam* setelah diperdaya kononnya mempunyai tunggakan cukai barang dan perkhidmatan (GST).

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersil Sarawak, Superintenden Mustafa Kamal Gani Abdullah berkata, mangsa berusia 45 tahun menyerahkan wang itu kepada sindiket terabit kerana takut dikenakan tindakan mahkamah.

"Mangsa terpedaya selepas menerima panggilan pada Isnin lalu daripada seorang perempuan yang menyamar sebagai kakitangan Mahkamah Pulau Pinang.

"Suspek mendakwa mangsa mempunyai bayaran tunggakan GST sebanyak RM51,000 dan perlu membayar dengan segera

"Suspek mendakwa mangsa mempunyai bayaran tunggakan GST sebanyak RM51,000 dan perlu membayar dengan segera bagi mengelak tindakan undang-undang."

**MUSTAFA KAMAL
GANI ABDULLAH**

bagi mengelak tindakan undang-undang," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Menurut Mustafa Kamal, suspek kemudian menyambung panggilan itu kepada rakannya yang menyamar sebagai anggota polis di Ibu pejabat Polis Kontinjen (IPK) Pulau Pinang dan di-

maklumkan bahawa akaun Maybank mangsa telah digunakan untuk aktiviti wang haram.

Katanya, mangsa yang bimbang dikenakan tindakan telah membuat bayaran RM30,000 ke atas satu akaun milik lelaki berbangsa Cina di Bank Islam cawangan Satok di sini, Selasa lalu.

Tambahnya, mangsa sekali lagi membuat pembayaran ke akaun sama tidak lama kemudian berjumlah RM55,000 bagi tujuan bayaran juruaudit.

"Mangsa membuat satu lagi bayaran berjumlah RM20,000 ke atas akaun seorang lelaki Melayu atas alasan pembayaran juruaudit pada keesokannya.

"Mangsa hanya menyedari ditipu selepas mendapati tiada sebarang bayaran tunggakan dikenakan dan membuat laporan polis pada Rabu lalu untuk tujuan siasatan," ujarnya.